

KERATAN AKHBAR

Tarikh Siaran : 20 MEI 2025 (SELASA)
Akhbar : BERITA HARIAN
Jenis Akhbar : BAHASA MELAYU
Kategori Berita/Isu : NASIONAL
Mukasurat : 4
Tajuk : ENAM AGENSI KERAJAAN BERGABUNG TUBUH KKFP

Enam agensi kerajaan bergabung tubuh KKFP

Bertindak sebagai sistem amaran awal kesan ketirisan dalam perolehan, agihan dana awam

Oleh Ilah Rafiz Aziz
ilahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Enam agensi kerajaan termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bergabung menubuhkan Kumpulan Kerja Fraud Perakaunan (KKFP) sebagai sistem amaran awal bagi mengesan ketirisan dalam perolehan dan agihan dana awam yang semakin membimbangkan.

Dipengerusikan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, agensi KKFP lain adalah Jabatan Audit Negara (JAN), Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) serta badan profesional,

Institut Akauntan Malaysia (MIA).

Penubuhan kumpulan kerja ini bukan sahaja menyumbang kepada isu pencegahan, pengesanan dan penyelarasan kes-kes fraud perakaunan, malah melaksanakan tindakan yang kolektif, sistematik dan mampan.

Azam dalam ucapan perasmian, berkata jenayah kewangan kini tidak lagi dilakukan secara terang-terangan, sebaliknya berselindung di sebalik taktik fraud seperti pemalsuan dokumen perniagaan dan penggunaan syarikat proksi.

Taktik fraud lain, katanya, menghalalkan transaksi rasuah dengan menyamarkan sebagai kos operasi syarikat.

"Sebagai contoh, ia melalui yuran perunding, perbelanjaan hiburan atau kos pembangunan serta aliran wang yang disusun melalui beberapa lapisan transaksi bagi menyukarkan pengesanan jejak wang.

"Tipologi rasuah kini jauh lebih kompleks dan rumit. Lebih membimbangkan, hampir semua taktik penipuan ini melalui proses dan sistem perakaunan dan pengauditan.

"Justeru, jika proses dan sistem ini tidak cukup telus atau dikendalikan oleh individu yang



Azam bersama Wan Suraya (tiga dari kanan) dan Nor Yati (tiga dari kiri) pada Majlis Peluncuran Kumpulan Kerja Fraud Perakaunan di Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

lemah integriti, maka ia bukan sahaja gagal berfungsi sebagai *gatekeepers* (benteng), malah boleh menjadi medan untuk menutupinya dan menjadi *enablers* (pemudah cara).

"Hal ini menjadikan tugas SPRM semakin mencabar dalam mendedahkan jejak jenayah yang disusun dengan rapi," katanya dalam ucapan perasmian Majlis Peluncuran KKFP di sini semalam.

Yang turut hadir ialah Akauntan Negara Malaysia, Nor Yati Ahmad; Ketua Audit Negara, Datuk Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi; Naib Canselor UiTM, Profesor Datuk Dr Shahrin Sahib; Ketua Pegawai Eksekutif LHDN, Datuk Dr Abu Tariq Jamaluddin; Ketua Pegawai Eksekutif SSM, Datuk Nor Azimah Abdul Aziz dan Presiden MIA, Datuk Seri Dr Mohamad Zabidi Ahmad.

Korupasi mencapai RM4.5 trilion

Azam berkata, kajian EMIR Research pada 2023 menganggarkan kerugian mencecah RM4.5 trilion antara 1997 hingga 2022, yang me-

rangkumi pelbagai bentuk kecuran dan penyelewengan.

Beliau berkata, angka dalam kajian rasuah seperti kerugian RM277 bilion atau purata RM55 bilion setahun berdasarkan anggaran Kumulatif Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjadi petunjuk jelas bagaimana rasuah turut membuka ruang kepada pelbagai jenayah lain.

"Ini bukan sekadar statistik, ia adalah petunjuk jelas bagaimana rasuah dan kesalahan berkaitannya seperti pemalsuan dokumen, manipulasi penyata kewangan dan penyelewengan wang syarikat telah merosakkan dasar, proses dan penyampaian kerajaan serta sektor swasta.

"Kesan akhirnya ialah ketirisan berskala besar, kehilangan keyakinan, pelabur dan rakyat, serta kemunduran kemajuan negara," katanya.

Justeru beliau menegaskan, agensi kerajaan tidak boleh lagi melangkah dan bergerak secara terpisah, seolah-olah setiap agensi berlayar dalam kapal sen-

diri, namun ia menuju destinasi yang kabur.

"KKFP ialah peta koordinasi yang menyatukan haluan dan memperkukuh pelayaran kita dalam menangani jenayah kewangan yang kian mencabar.

"Ia menggabungkan kepakaran pelbagai agensi. Ia juga melambangkan litizam kolektif kita untuk bertindak secara sistematik, terancang dan bersama-sama dalam melindungi sistem kewangan negara daripada dieksploitasi oleh penipuan dan memastikan akauntabiliti terhadap setiap sen wang yang diuruskan," katanya.

Azam berkata, KKFP akan menjadi sistem amaran awal yang mengesan ketirisan dalam perolehan dan agihan dana awam, menjadi pemangkin reformasi dalam penyampaian laporan kewangan yang telus dan bertanggungjawab.

Katanya, KKFP dijangka berpotensi menjadi satu *game changer* dalam landskap pengu-
rusan integriti.